آمِينَ، آمِينَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

ERTI DOA AWAL TAHUN

Dengan nama Allah yang
Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Segala puji-pujian bagi Allah Pentadbir alam, selawat dan salam ke atas semulia-mulia Nabi dan Rasul iaitu penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. dan di atas keluarganya dan para sahabat sekalian. Ya Allah! Engkaulah yang kekal, qadim lagi azali dan di atas kelebihan Engkau yang besar dan kemurahan Engkau yang melimpah dan ini adalah tahun baru yang sesungguhnya telah mendatangi kami, kami memohon kepada Engkau pemeliharaan padanya daripada syaitan yang direjam, pembantu-pembantunya dan tentera-tenteranya dan kami memohon pertolongan

di atas nafsu yang banyak mendorong kepada kejahatan dan kami memohon kepada Engkau bagi melakukan sebarang pekerjaan yang boleh mendekatkan diri kami kepada Engkau. Ya Allah! Tuhan yang mengubahkan segala keadaan, ubahkanlah keadaan kami kepada sebaik-baik keadaan dengan kekuasaan dan kekuatan. Wahai Tuhan yang mempunyai Keagongan dan Kemuliaan lagi Maha Mengasihani.

Wahai Tuhan Kami! Kurniakanlah kepada kami kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat dan peliharalah kami akan azab api Neraka. Selawat dan salam diucapkan ke atas Junjungan kami Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarganya dan para sahabatnya dan segala puji bagi Allah, Pentadbir sekalian alam.

Amiin, amiin dan segala puji bagi Allah, Pentadbir sekalian alam.

دعاء ثرقيساهن

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰــنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هٰـذَا جَمْعًا مَرْحُوْمًا ، وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُوْمًا ، وَلاَ تَجْعَلِ اللّٰهُمَّ فِيْنَا وَلاَ مَعَنَا وَلاَ مَنْ يَتْبَعُنَا شَقِيًّا وَلاَ مَطْرُوْدًا وَلاَ مَحْرُوْمًا ، وَهَبْ لَنَا مُسِيْئَنَا لِمُحْسِنِنَا وَمُقَصِّرَنَا لِعَامِلِنَا وَهَبْ لَنَا الْكُلَّ بِوَجْهِكَ الْكَرِيْمِ يَارَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

ERTI DOA PERPISAHAN

Dengan nama Allah yang
Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Segala puji bagi Allah, Tuhan Pentadbir alam, selawat dan salam ke atas semulia-mulia Nabi dan Rasul iaitu penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. dan di atas keluarganya dan para sahabat sekalian.

Ya Allah, wahai Tuhan kami, jadikanlah perkumpulan kami ini yang dirahmati, dan perpisahan kami selepas ini perpisahan yang terpelihara. Dan jangan apalah kiranya sekalian yang ada di kalangan kami dan sekalian yang mengikut kami mendapat kecelakaan atau terbuang atau terhalang daripada mendapat rahmatMu. Kurniakanlah kepada kami yang tidak baik di kalangan kami agar mendapat pimpinan oleh orang-orang yang baik di kalangan kami. Kurniakanlah kepada mereka yang cuai agar mendapat pimpinan dari mereka yang rajin berusaha. Kurniakanlah kami kebaikan dengan berkat keagungan zatMu yang Maha Mulia, wahai Tuhan Pentadbir sekalian alam.

Moga-moga Allah S.W.T. mencucuri rahmat dan sejahtera ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, ahli keluarga dan sekalian para sahabatnya. Segala puji bagi Allah, Pentadbir sekalian alam.

دعاء تولق بالا

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰـنِ الرَّحِيْمِ

يَادَافِعَ الْبَلآءِ يا اللّٰهُ، يَادَافِعَ الْبَلآءِ يارَحْمٰـنِ
يَادَافِعَ الْبَلآءِ يَارَحِيْمُ! اِدْفَعْ عَنَّا كُلَّ بَلآءِ الدُّنْيَا
وَبَلآءِ الْاٰخِرَةِ وَشَرَّ الدُّنْيَا وَشَرَّالْاٰخِرَةِ. وَمِنْ عَدُوٍّ
مِنَ الإِنْسِ وَالْجِنِّ وَمِنَ الشَّيْطَانِ وَإِبْلِيْسَ. وَمَا
يَطِيْرُ فِى الْهَوآءِ وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمآءِ وَمَا يَخْرُجُ
مِنَ الْاَرْضِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. وَصَلَّى
اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَأَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَلَمِيْنَ.

ERTI DOA TOLAK BALA

Dengan nama Allah yang
Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

"Wahai Tuhan yang Menolakkan Bala bencana! Ya Allah wahai Tuhan yang Menolakkan Bala Bencana, ya Rahman, Tolakkanlah daripada kami sekalian bala dunia dan akhirat. Dan juga bencana dunia dan bala bencana akhirat. Dan juga bencana yang datangnya dari musuh-musuh, daripada manusia dan jin, dan daripada syaitan dan iblis. Dan segala sesuatu (keburukan) yang berterbangan di udara. Dan apa-apa yang turun dari langit, dan keluar dari bumi. Dengan rahmat Engkau, wahai yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Dan Allah memberi selawat ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. serta keluarganya dan sekalian para sahabatnya. Dan segala puji bagi Allah, Pentadbir sekalian alam."

صلاوات تفريجيه

موهون سكل حاجات دقبولكن اوليه الله

اَللّهُمَّ صَلِّ صَلاَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلاَمًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِىْ تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ وَتُقْضَى بِهِ الْحَوائِجُ وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَكَ.

ERTI DOA SELAWAT TAFRIJIYAH

"Ya Allah Tuhan kami, limpahkanlah rahmat yang sempurna dan limpahkanlah kesejahteraan yang sempurna ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, yang dengannya akan terhurailah segala simpul ikatan dan dengannya akan terhapuslah segala kesusahan dan dengannya akan tertunailah segala hajat dan dengannya akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati dalam iman), serta terkabullah permohonan meminta hujan dengan zatnya yang mulia dan ke atas keluarga dan para sahabatnya, pada setiap kelipan mata dan tarikan nafas dengan bilangan segala apa juga yang Engkau ketahui."

دعاء منجاؤهي وابق فڤاكيت

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُبِكَ مِنَ الطَّعْنِ وَالطَّاعُوْنِ وَمِنْ هُجُوْمِ الْبَلاَءِ، وَمِنْ مَوْتِ الْفَجَأَةِ، وَمِنْ سَعْرَةِ الْحُمَّى، وَمِنْ سُوْءِ الْقَضَاءِ، وَمِنْ شَرِّ الْبَلاَءِ، وَنَعُوْذُبِكَ مِنْ دَرْكِ الشَّقَاءِ، وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ. يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، يَا ذَاالْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ. رَبَّنَا اكْشِفْ عَنَّا الْعَذَابَ، إِنَّا مُؤْمِنُوْنَ، رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ، إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا. رَبَّنَا ظَلَمْنَا اَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْلَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُوْنَنَّ مِنَ الْخَاسِرِيْنَ، بِرَحْمَتِكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ، يَا اَللّٰهُ، يَا حَفِيْظُ، يَا اَللّٰهُ، يَا رَافِعُ.

ERTI DOA MENJAUHI WABAK PENYAKIT

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada tikaman, penyakit taun, daripada kedatangan bencana, datangnya kematian dengan tiba-tiba, nyalanya penyakit panas, buruknya takdir, beratnya bahaya. Dan kami berlindung kepadaMu daripada tertimpanya kesukaran dan cemuhan/ejekan musuh. Wahai Zat yang kekal lagi sentiasa berdiri sendiri. Wahai yang mempunyai kebesaran dan kurnia. Ya Allah, lenyapkanlah daripada kami azab itu, sesungguhnya kami beriman. Ya Allah, jauhkanlah azab Jahanam daripada kami sesungguhnya azabnya itu adalah kebinasaan yang kekal. Ya Allah, jauhkanlah azab Jahanam daripada kami sesungguhnya azabnya itu adalah kebinasaan yang kekal. Ya Allah, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya kami termasuk orang-orang yang rugi. Demi rahmat kurniaMu Ya Allah Pemilik sekalian alam, Ya Allah, Ya Allah yang memelihara, Ya Allah yang Maha Tinggi."

صلاوات الفاتح

(دعا موهون كلواسن رزقي)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نِ الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ وَالنَّاصِرِ الْحَقِّ بِالْحَقِّ. وَالْهَادِى إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيْمٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ حَقَّ قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيْمِ

ERTI DOA SELAWAT AL-FATIH

"Ya Allah, rahmatilah dan berilah kesejahteraan serta keberkatan ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w., pembuka bagi apa jua yang tertutup dan penamat bagi apa jua yang telah berlalu, penolong bagi yang hak, penunjuk ke jalan yang lurus. Dan ke atas ahli keluarga serta para sahabat baginda yang selayak untuknya sesuai dengan darjat kedudukannya yang tinggi dan besar."

دعاء ڤنراڠ دان ڤننڠ هاتي

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ على سَيِّــدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ صَلَاةً لَا نِهَايَةً لِكَمَالِهِ وَعَدَدِ كَمَالِهِ. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ نَفْسِيْ مُؤْمِنَةً تُؤْمِنُ بِقَضَائِكَ وَتَرْضَى بِقَضَائِكَ وَتَقْنَعُ بِعَطَآئِكَ رَبِّ اشْرَحْ لِيْ صَدْرِيْ وَيَسِّرْلِيْ أَمْرِيْ وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِيْ يَفْقَهُوا قَوْلِيْ.

ERTI DOA PENERANG DAN PENENANG HATI

"Ya Allah ucapan selawat dan salam sejahtera ke atas Junjungan Besar kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli keluarga baginda dan para sahabat baginda sebagai ucapan selawat yang tiada kesudahan bagi segala kesempurnaannya dan hitungan kesempurnaannya. Ya Allah, jadikanlah jiwaku ketenangan, yakin bertemu denganMu, redha dengan ketentuan-Mu dan sentiasa merasa kecukupan di atas segala pemberianMu. Ya Allah lapangkanlah dadaku, dan permudahkanlah segala urusanKu, rungkaikanlah segala yang membelenggu lidah (pertuturanku) sehingga manusia sekaliannya mudah memahami akan segala perkara yang aku sampaikan."

دعاء ڤلاجر

اَلْـحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِىْ عَلَّمَ بِالْقَلَمِ. وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى مُحَمَّدٍ سَيِّــدِ الْأَنَامِ.

اَللَّهُمَّ أَلْهِمْنِيْ عِلْمًا أَعْرِفُ بِهِ أَوَامِرَكَ وَأَعْرِفُ بِهِ نَوَاهِيَك وَارْزُقْنِيْ.

اَللَّهُمَّ نَوِّرْ بِالْكِتَابِ بَصَرِيْ.

وَاشْرَحْ بِهِ صَدْرِيْ، وَاسْتَعْمِلْ بِهِ بَدَنِيْ.

وَاطْلِقْ بِهِ لِسَانِيْ.

وَقَوِّ بِهِ جَنَانِيْ.

وَأَسْرِعْ بِهِ فَهْمِيْ.

وَقَوِّ بِهِ عَزْمِيْ.

بِحَوْلِكَ وَقُوَّتِكَ.

فَإِنَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِكَ.

يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْـنَ.

اَللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ سِرِّيْ وَعَلاَنِيَّتِيْ فَأَقْبِلْ مَعْذِرَتِيْ،

وَتَعْلَمُ حَاجَتِيْ فَأَعْطِنِيْ سُؤْلِيْ.

وَتَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِيْ فَاغْفِرْ لِيْ ذَنْبِيْ.

يَا مَنْ يَعْلَمُ خَآئِنَةَ الْأَعْيُـنِ.

وَمَا تُخْفِى الصُّدُورُ.

وَاللَّهُ يَقْضِى بِالْـحَقِّ.

وَالَّذِيْنَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَقْضُونَ بِشَيْءٍ.

إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّمِيْعُ الْبَصِيرُ.

اَللَّهُمَّ عَمِّرْ لِسَانِيْ بِذِكْرِكَ.

وَقَلْبِيْ بِخَشْيَتِكَ.

وَشَرِّيْ بِطَاعَتِكَ.

اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ بَدَنِيْ.

اَللّٰهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ سَمْعِيْ.

اَللّٰهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ بَصَرِيْ.

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَـمِيْـنَ.

ERTI DOA PELAJAR

"Segala puji tertentu bagi Allah semesta alam yang mengajar dengan pena. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. penghulu segala makhluk (jin dan manusia). Ya Allah,, ilhamkanlah kepadaku segala bentuk ilmu supaya aku dapat mengetahui dengannya perintahMu dan juga laranganMu dan kurniakanlah bagiku rezeki. Ya Allah, terangilah penglihatanku dengan segala keberkatan al-Kitab (al-Quran). Lapangkanlah dadaku dengannya, dan perkuatkan badanku dengannya. Fasihkanlah (lancarkan pertuturanku) dengannya. Tambahkan kekuatan rinduku dengannya. Percepatkan pemahamanku dengannya. Kuatkanlah keazamanku dengannya. Dengan segala daya usahaMu. Kerana sesungguhnya tiada daya dan upaya melainkan dengan Engkau jua, wahai Tuhan Yang Amat Pengasihani. Ya Allah, sesungguhnya Engkau lebih mengetahui apa

yang tersembunyi dan yang tidak berselindung di sebalik diriku. Maka terimalah kekuranganku (ketidakmampuanku) dan Engkau mengetahui keperluanku, kurniakanlah kepadaku segala yang aku perlukan. Engkau mengetahui tentang diriku ini, maka hendaklah engkau ampunkan kesalahanku. Wahai Tuhan yang mengetahui akan kejahatan mata-mata yang memandang dengan (niat) serong terhadapku. Apa yang tersembunyi di dalam dadaku. Dan Allah yang menghukum dengan kebenaran dan orang-orang yang menyeru selain daripadaNya, ia tidak memutuskan sesuatu. Sesungguhnya Dialah Allah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat. Ya Allah, jadikanlah lidahku sentiasa mengingati akan kebesaranMu. Dan jadikanlah hatiku sentiasa berasa takut kepada ancaman azabMu. Jauhi daku dari kejahatan dengan aku mentaatiMu. Ya Allah, afiatkanlah tubuh badanku. Ya Allah, afiatkanlah pendengaranku. Ya Allah afiatkanlah pandangan/penglihatanku. Dan segala pujian tertentu bagi Allah, Pentadbir Semesta Alam."

AL-MA’THURAT

Al-Wazhifah Al-Kubra

اَلْمَأْثُوْرَاتُ
الْوَاظِفَةُ الْكُبْرى

KEUTAMAAN MA’THURAT

Al-Ma’thurat adalah wirid dan doa harian yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w.. Baginda yang lebih mengetahui tentang betapa besarnya ganjaran yang akan diperolehi oleh orang yang mengamalkan doa dan wirid tersebut.

Wirid, doa, zikir dan istighfar yang terdapat dalam al-Ma’thurat di samping dapat memantapkan jiwa, ia juga akan dapat memberi kelapangan dan ketenangan dalam kehidupan kita. Ia juga merupakan senjata bagi orang mukmin. Al-Ma’thurat boleh dibaca pada waktu pagi dan petang bergantung kepada kelapangan waktu yang kita miliki. Wirid dan doa yang terkumpul di dalamnya adalah berdasarkan kepada nas yang sahih yang menjadi amalan Rasulullah s.a.w.

Firman Allah S.W.T.:

فَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ قَبۡلَ طُلُوعِ
ٱلشَّمۡسِ وَقَبۡلَ ٱلۡغُرُوبِ ٣٩

Maksudnya: *“Maka bersabarlah kamu terhadap apa yang mereka katakan dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum terbenam.”*

(Surah al-Qaf: 39)

Al-Ma'thurat terbahagi kepada dua iaitu:

- Al-Ma'thurat Kubra (Besar)
- Al-Ma'thurat Sughra (Kecil)

Al-Ma'thurat Kubra ialah rangkaian wirid dan doa yang panjang manakala al-Ma'thurat Sughra adalah rangkaian wirid dan doa yang diringkaskan.

Setiap individu yang mengaku beriman kepada Allah hendaklah mengamal dan menghayati zikir al-Ma'thurat dengan mengharapkan keredaan daripada Allah S.W.T. Dengan membaca zikir dan doa yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. bererti kita telah membentengkan diri daripada gangguan syaitan dan musuh yang sentiasa berniat jahat. Disamping itu dapat menguatkan lagi keyakinan dan keimanan kepada Allah S.W.T.

Antara fadhilat al-Ma'thurat ialah:

- Memohon hidayah daripada Allah S.W.T. supaya ditunjukkan jalan yang benar dan dijauhkan daripada gangguan syaitan yang terkutuk.

- Dengan mengamalkan zikir dan doa yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. dan memperkukuhkan keimanan serta ketakwaan kepadaNya.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ ٱلسَّمِيعِ ٱلْعَلِيمِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

Aku berlindung dengan Allah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada gangguan syaitan yang terkutuk.

Al-Fatihah

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

[1] Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. **[2]** Segala puji bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. **[3]** Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. **[4]** Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). **[5]** Engkaulah sahaja (Ya Allah)yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. **[6]** Tunjukkan kami jalan yang lurus. **[7]** Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الٓمٓ ١ ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ٢ ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡغَيۡبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ٣ وَٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبۡلِكَ وَبِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ٤ أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٥

[1] Alif, Laam, Miim. **[2]** Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi pertunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; **[3]** Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. **[4]** Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "al-Quran" yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). **[5]** Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya.

Ayat Kursi (Al-Baqarah : 255)

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur, Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya) lagi Maha Besar (kekuasaanNya).

Al-Baqarah (256)

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشۡدُ مِنَ ٱلۡغَيِّۚ فَمَن يَكۡفُرۡ بِٱلطَّٰغُوتِ وَيُؤۡمِنۢ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱسۡتَمۡسَكَ بِٱلۡعُرۡوَةِ ٱلۡوُثۡقَىٰ لَا ٱنفِصَامَ لَهَاۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ٢٥٦

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dan kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Al-Baqarah (257)

ٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ يُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَوۡلِيَآؤُهُمُ ٱلطَّٰغُوتُ يُخۡرِجُونَهُم مِّنَ ٱلنُّورِ إِلَى ٱلظُّلُمَٰتِۗ أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٢٥٧

Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan

mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut, yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Al-Baqarah (284-286)

لِّلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَإِن تُبْدُوا۟ مَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ
أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُم بِهِ ٱللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن
يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾ ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ
إِلَيْهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۚ كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ
وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِۦ ۚ وَقَالُوا۟
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۖ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾
لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا
مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا
وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن
قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعْفُ عَنَّا

وَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَآ أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

[284] Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. **[285]** Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain dari Rasul-rasulnya." Mereka berkata lagi: "Kami dengar dan kami taat. (Kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali." **[286]** Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau

kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir."

Ali Imran (1-2)

الٓمٓ ۝١ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُ ۝٢

[1] Alif, Laam, Miim **[2]** Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan sekalian makhlukNya.

Thaha (111-112)

وَعَنَتِ ٱلۡوُجُوهُ لِلۡحَيِّ ٱلۡقَيُّومِۖ وَقَدۡ خَابَ مَنۡ حَمَلَ ظُلۡمٗا ۝١١١ وَمَن يَعۡمَلۡ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَلَا يَخَافُ ظُلۡمٗا وَلَا هَضۡمٗا ۝١١٢

[111] Dan segala muka akan tunduk dengan berupa hina kepada Allah Yang Tetap Hidup, lagi Yang Kekal mentadbirkan makhluk selama-lamanya; dan sesungguhnya telah rugi dan hampalah orang yang menanggung dosa kezaliman. **[112]** Dan sesiapa yang mengerjakan sebarang apa dari amal-amal yang soleh, sedang ia beriman, maka tidaklah (seharusnya) ia merasa takut dianiaya atau dikurangkan sedikit pun dari pahalanya.

At-Taubah (129)

حَسْبِيَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): “cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; kepadaNya aku berserah diri, dan Dialah yang mempunyai ‘Arasy yang besar.”

قُلِ ٱدۡعُواْ ٱللَّهَ أَوِ ٱدۡعُواْ ٱلرَّحۡمَٰنَۖ أَيّٗا مَّا تَدۡعُواْ فَلَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰۚ وَلَا تَجۡهَرۡ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتۡ بِهَا وَٱبۡتَغِ بَيۡنَ ذَٰلِكَ سَبِيلٗا ١١٠ وَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي لَمۡ يَتَّخِذۡ وَلَدٗا وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٞ فِي ٱلۡمُلۡكِ وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ وَلِيّٞ مِّنَ ٱلذُّلِّۖ وَكَبِّرۡهُ تَكۡبِيرَۢا ١١١

[110] Katakanlah (wahai Muhammad): “serulah nama “Allah” atau nama “Ar-Rahman”, yang mana sahaja kamu serukan (daripada kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia”. Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu. **[111]** Dan katakanlah: “Segala puji tertentu bagi Allah, yang tiada mempunyai anak,dan tiada bagiNya sekutu dalam urusan kerajaanNya, dan tiada bagiNya penolong disebabkan sesuatu kelemahanNya; dan hendaklah engkau membesarkan serta memuliakanNya dengan bersungguh-sungguh!”

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَٰكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾
فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلْمَلِكُ ٱلْحَقُّ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْكَرِيمِ ﴿١١٦﴾
وَمَن يَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَا بُرْهَٰنَ لَهُۥ بِهِۦ فَإِنَّمَا حِسَابُهُۥ
عِندَ رَبِّهِۦٓ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١١٧﴾ وَقُل رَّبِّ ٱغْفِرْ وَٱرْحَمْ
وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿١١٨﴾

[115] “Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (daripada tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?” **[116]** Maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah Allah Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Tetap Benar; tiada Tuhan melainkan Dia, Tuhan yang mempunyai ‘Arasy yang mulia. **[117]** Dan sesiapa yang menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, dengan tidak berdasarkan sebarang keterangan mengenainya, maka sesungguhnya hitungannya (dan balasan amalnya yang jahat itu) disediakan di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berjaya. **[118]** Dan berdoalah (wahai Muhammad dengan berkata): “Wahai Tuhanku, berikanlah ampun dan kurniakan rahmat, dan sememangnya Engkaulah sahaja sebaik-baik Pemberi rahmat!”

فَسُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ حِينَ تُمۡسُونَ وَحِينَ تُصۡبِحُونَ ﴿١٧﴾ وَلَهُ ٱلۡحَمۡدُ
فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَعَشِيّٗا وَحِينَ تُظۡهِرُونَ ﴿١٨﴾ يُخۡرِجُ
ٱلۡحَيَّ مِنَ ٱلۡمَيِّتِ وَيُخۡرِجُ ٱلۡمَيِّتَ مِنَ ٱلۡحَيِّ وَيُحۡيِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ
مَوۡتِهَاۚ وَكَذَٰلِكَ تُخۡرَجُونَ ﴿١٩﴾ وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنۡ خَلَقَكُم مِّن
تُرَابٖ ثُمَّ إِذَآ أَنتُم بَشَرٞ تَنتَشِرُونَ ﴿٢٠﴾ وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنۡ خَلَقَ
لَكُم مِّنۡ أَنفُسِكُمۡ أَزۡوَٰجٗا لِّتَسۡكُنُوٓاْ إِلَيۡهَا وَجَعَلَ بَيۡنَكُم
مَّوَدَّةٗ وَرَحۡمَةًۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾
وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦ خَلۡقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَٱخۡتِلَٰفُ أَلۡسِنَتِكُمۡ
وَأَلۡوَٰنِكُمۡۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّلۡعَٰلِمِينَ ﴿٢٢﴾ وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦ
مَنَامُكُم بِٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ وَٱبۡتِغَآؤُكُم مِّن فَضۡلِهِۦٓۚ إِنَّ فِي
ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَسۡمَعُونَ ﴿٢٣﴾ وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦ يُرِيكُمُ
ٱلۡبَرۡقَ خَوۡفٗا وَطَمَعٗا وَيُنَزِّلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَيُحۡيِۦ بِهِ ٱلۡأَرۡضَ
بَعۡدَ مَوۡتِهَآۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ﴿٢٤﴾
وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦٓ أَن تَقُومَ ٱلسَّمَآءُ وَٱلۡأَرۡضُ بِأَمۡرِهِۦۚ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمۡ

دَعۡوَةٗ مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ إِذَآ أَنتُمۡ تَخۡرُجُونَ ﴿٢٥﴾ وَلَهُۥ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلۡأَرۡضِۖ كُلّٞ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿٢٦﴾

[17] (Setelah kamu mengetahui yang demikian), maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh. **[18]** Serta pujilah Allah yang berhak menerima segala puji (dari sekalian makhlukNya) di langit dan di bumi, dan juga (bertasbihlah kepadaNya serta pujilah Dia) pada waktu petang dan semasa kamu berada pada waktu zuhur. **[19]** Ia mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati dan mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup serta menghidupkan bumi sesudah matinya; dan sedemikian itulah kamu akan dikeluarkan (hidup semula dari kubur). **[20]** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya (menghidupkan kamu semula), bahawa Ia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi. **[21]** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.

Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. **[22]** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. **[23]** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kemurahanNya dan kasih sayangNya ialah tidurnya kamu pada waktu malam dan pada siang hari, dan usaha kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya (pada kedua-dua waktu itu). Sesungguhnya keadaan yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang mahu mendengar (nasihat pengajaran). **[24]** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaranNya dan kekuasaanNya, Ia memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia menurunkan hujan dari langit, lalu Ia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahamiNya. **[25]** Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan keluasan ilmuNya dan kekuasaanNya ialah terdirinya langit dan bumi (dalam keadaan yang menakjubkan itu) dengan perintah dan penentuan

takdirNya; akhirnya apabila Ia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur masing-masing). **[26]** Dan sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi adalah hak kepunyaanNya masing-masing tetap tunduk kepada hukum peraturanNya.

Al-Mukmin (1-3)

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلۡكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ﴿٢﴾ غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوۡبِ شَدِيدِ ٱلۡعِقَابِ ذِي ٱلطَّوۡلِۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ إِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ﴿٣﴾

[1] Haa, Miim. **[2]** Turunnya al-Quran ini dari Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui; – **[3]** Yang Mengampunkan dosa, dan Yang Menerima taubat; Yang Berat azabNya; Yang Melimpah-limpah kurniaNya; tiada Tuhan melainkan Dia; kepadaNyalah tempat kembali.

Al-Hasyr (22-24)

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ۖ
هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ
ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ
ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ ٱللَّهُ
ٱلْخَٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ ۖ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ يُسَبِّحُ
لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

[22] Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. **[23]** Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi segala KebesaranNya. Maha Suci Allah dari segala yang mereka sekutukan denganNya. **[24]** Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya);

bagiNyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan di bumi; dan Dialah Yang tidak ada tolok bandingNya, lagi Maha Bijaksana.

Al-Zalzalah

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

إِذَا زُلْزِلَتِ ٱلْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ﴿١﴾ وَأَخْرَجَتِ ٱلْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ﴿٢﴾ وَقَالَ ٱلْإِنسَٰنُ مَا لَهَا ﴿٣﴾ يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا ﴿٤﴾ بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ لَهَا ﴿٥﴾ يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ ٱلنَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا۟ أَعْمَٰلَهُمْ ﴿٦﴾ فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ ﴿٧﴾ وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُۥ ﴿٨﴾

[1] Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya, **[2]** Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya, **[3]** Dan berkatalah manusia (dengan perasaan gerun); “Apa yang sudah terjadi kepada bumi?” **[4]** Pada hari itu bumipun menceritakan khabar beritanya: **[5]** Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (berlaku demikian). **[6]** Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) – untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka. **[7]** Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! **[8]** Dan sesiapa berbuat kejahatan

seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!

Al-Kafirun

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

قُلۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡكَٰفِرُونَ ۝١ لَآ أَعۡبُدُ مَا تَعۡبُدُونَ ۝٢ وَلَآ أَنتُمۡ عَٰبِدُونَ مَآ أَعۡبُدُ ۝٣ وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٞ مَّا عَبَدتُّمۡ ۝٤ وَلَآ أَنتُمۡ عَٰبِدُونَ مَآ أَعۡبُدُ ۝٥ لَكُمۡ دِينُكُمۡ وَلِيَ دِينِ ۝٦

[1] Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir!" **[2]** "Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. **[3]** "Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. **[4]** "Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. **[5]** "Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. **[6]** "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku."

Al-Nasr

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ۝١ وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ يَدۡخُلُونَ فِي دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ۝٢ فَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ وَٱسۡتَغۡفِرۡهُۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابَۢا ۝٣

[1] Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Mekah), **[2]** Dan engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai, **[3]** Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadaNya, sesungguhnya Ia sangat-sangat menerima taubat.

Al-Ikhlas (3 kali)

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمۡ يَلِدۡ وَلَمۡ يُولَدۡ ﴿٣﴾ وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدُۢ ﴿٤﴾

[1] Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; **[2]** "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; **[3]** "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; **[4]** "Dan tidak ada sesiapapun yang setara denganNya."

Al-Falaq (3 kali)

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

قُلۡ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلۡفَلَقِ ﴿١﴾ مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِن شَرِّ ٱلنَّفَّٰثَٰتِ فِي ٱلۡعُقَدِ ﴿٤﴾

وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

[1] Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk, **[2]** "Dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan; **[3]** "Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk; **[4]** "Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan); **[5]** "Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya."

Al-Naas (3 kali)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ ٱلنَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَٰهِ ٱلنَّاسِ ﴿٣﴾ مِن شَرِّ ٱلْوَسْوَاسِ ٱلْخَنَّاسِ ﴿٤﴾ ٱلَّذِى يُوَسْوِسُ فِى صُدُورِ ٱلنَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ ﴿٦﴾

[1] Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. **[2]** "Yang Menguasai sekalian manusia, **[3]** "Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia. **[4]** "Dari kejahatan pembisik, penghasut yang timbul tenggelam, **[5]** "Yang melemparkan

bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia, **[6]** “(Iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia.”

Doa Pujian Kepada Allah S.W.T. (3 kali)

أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ (أَمْسَيْنَا وَأَمْسَى) الْمُلْكُ لِلَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ لَا شَرِيْكَ لَهُ لَآ إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ.

Sesungguhnya kami terjaga di pagi hari (di petang hari) dengan (kesedaran bahawa) Kerajaan (bumi dan segala isinya) ini seluruhnya adalah milik Allah. Dan segala puji bagi Allah tiada sekutu baginya, tiada tuhan selain Dia dan kepadaNya kami dibangkitkan.

Doa Teguh Pendirian Dalam Islam (3 kali)

أَصْبَحْنَا (أَمْسَيْنَا) عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ وَكَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ وَعَلَى دِيْنِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ ﷺ وَعَلَى مِلَّةِ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيْمَ حَنِيْفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ.

Kami terjaga di pagi (petang) hari dalam fitrah Islam dan kalimat ikhlas dan dalam agama nabi

kami, Muhammad s.a.w. dan dalam ajaran bapa kami Ibrahim yang benar sedang dia bukan seorang musyrik.

Doa Mensyukuri Nikmat (3 kali)

اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَصْبَحْتُ (أَمْسَيْتُ) مِنْكَ فِى نِعْمَةٍ
وَعَافِيَةٍ وَسِتْرٍ، فَأَتِمَّ عَلَيَّ نِعْمَتَكَ وَعَافِيَتَكَ وَسِتْرَكَ
فِى الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

Ya Allah, pada pagi (petang) ini kami nikmati afiat pemberianMu (keselamatan dari mara bencana) dan terjaganya rahsia-rahsia (dosa-dosa)ku, maka sempurnakan nikmatMu, afiatMu dan penjagaan-Mu ke atasku, di dunia dan di akhirat.

Pengakuan Segala Nikmat Dari Allah S.W.T. (3 kali)

اَللّٰهُمَّ مَا أَصْبَحَ (أَمْسَ) بِيْ مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِنْ
خَلْقِكَ فَمِنْكَ وَحْدَكَ لَا شَرِيْكَ لَكَ، فَلَكَ
الْحَمْدُ وَلَكَ الشُّكْرُ.

Ya Allah, nikmat apa saja yang aku perolehi di waktu pagi (petang) hari seseorang di antara makhlukMu sebenarnya adalah dariMu, yang

Esa dan tidak bersekutu, maka bagimu segala puji dan syukur.

Pujian Bagi Allah S.W.T. (3 kali)

يَا رَبِّيْ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِيْ لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيْمِ سُلْطَانِكَ.

Wahai Tuhanku, bagiMu segala puji seagung kemuliaan wajahMu dan kebesaran kekuasaan-Mu.

Membaca Ikrar (3 kali)

رَضِيْتُ بِاللّٰهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِيْنًا وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا وَرَسُولًا.

Aku telah rela dengan Allah sebagai tuhanku dan dengan Islam sebagai agamaku dan dengan Muhammad sebagai Nabi dan Rasulku.

Bertasbih Kepada Allah S.W.T. (3 kali)

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرِضَا نَفْسِهِ
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

Maha suci Allah dan segala puji bagiNya, sebanyak bilangan ciptaanNya dan keredhaanNya dan seberat timbangan ‘arasyNya dan sebanyak dakwat (yang terpakai untuk menulis) kalimatNya.

Meninggikan Asma’ (3 kali)

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي
الْأَرْضِ وَلَا فِى السَّمَآءِ وَهُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

Dengan nama Allah, yang dengan namaNya akan terhalanglah segala sesuatu di bumi dan di langit, untuk menimpakan bencana dan Ia Maha Mendengar dan Mengetahui.

Doa Terhindar Dari Syirik (3 kali)

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنْ أَنْ نُشْرِكَ بِكَ شَيْئًا نَعْلَمُهُ، وَنَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لَا نَعْلَمُهُ.

Ya Allah, kami berlindung pada Allah dari menyekutukan Engkau dengan sesuatu yang kami ketahui dan kami memohon ampun dari (menyekutukanMu) dengan sesuatu yang tidak kami ketahui.

Doa Berlindung Dari Kejahatan Makhluk (3 kali)

أَعُوْذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ التَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.

Aku berlindung pada kalimat Allah yang sempurna, dari kejahatan apa-apa yang diciptakan.

Doa Terhindar Dari Cengkaman Hutang (3 kali)

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ.

Ya Allah, aku berlindung padaMu dari rasa sedih dan gelisah aku berlindung padaMu dari kelemahan dan kemalasan, dan aku berlindung padaMu dari sikap pengecut dan bakhil dan aku berlindung padaMu dari cengkaman hutang dan penindasan orang.

Doa Dilimpahkan Kesihatan (3 kali)

اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِى بَدَنِيْ، اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِى سَمْعِيْ، اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِى بَصَرِيْ.

Ya Allah sihatkanlah badanku, Ya Allah sihatkanlah pendengaranku, Ya Allah sihatkanlah penglihatanku.

Doa Terhindar Dari Kemiskinan (3 kali)

اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ، اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

Ya Allah sesungguhnya aku berlindung padaMu dari kekafiran dan kefakiran, Ya Allah sesungguhnya aku berlindung padaMu dari azab kubur, tiada tuhan selain Engkau.

Doa Mohon Keampunan (3 kali)

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِيْ وَأَنَا عَبْدُكَ وأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَنْتُ، أَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوْءُ بِذَنْبِيْ فَاغْفِرْ لِيْ فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Ya Allah Engkau adalah tuhanku, tidak ada tuhan selain Engkau; Engkau yang menciptakan dan aku abdiMu, dan aku berada dalam perjanjian denganMu, ikrarku kepadaMu (yang akan ku laksanakan dengan segera) segala kemampuanku; dan aku berlindung kepadaMu, dari kejahatan apa-apa yang telah aku lakukan; aku mengakui (dengan sebenar-benarnya) nikmatMu kepadaku; dan aku mengakui dosaku, dan ampunilah aku, kerana tiada yang boleh mengampuni dosa-dosa kecuali Engkau.

Membaca Istighfar (3 kali)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِى لَآ إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ.

Aku memohon ampun kepada Allah yang tiada tuhan selain Dia, yang hidup dan selalu jaga, dan aku bertaubat padaMu.

Membaca Selawat Nabi Ibrahim AS (10 kali)

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِى الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

Ya Allah limpahkanlah selawat dan salam atas junjungan kami, Muhammad dan atas keluarga junjungan kami Muhammad, seperti Engkau limpahkan selawat atas junjungan kami Ibrahim dan keluarga junjungan kami Ibrahim. Dan berkatilah junjungan kami Muhammad dan keluarga junjungan kami Muhammad seperti Engkau berkati junjungan kami Ibrahim dan keluarga junjungan kami Ibrahim di antara segenap isi alam semesta. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji dan Maha Mulia.

Membaca Tasbih, Tahmid dan Takbir (100 kali)

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَآ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Maha suci Allah dan segala puji bagi Allah, dan tiada tuhan selain Allah, dan Allah Maha Besar.

Syahadah Tauhid (10 kali)

لَآ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

Tiada tuhan selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya segala kerajaan dan puji, dan Dia berkuasa atas segala sesuatu.

Pujian Dan Mohon Taubat (3 kali)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ.

Maha Suci Engkau, ya Allah dan segala puji bagi-Mu; aku bersaksi tiada tuhan selain Allah, aku mohon ampun dan bertaubat padaMu.

Selawat Atas Nabi Muhammad s.a.w. (3 kali)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيْمًا عَدَدَ مَا أَحَاطَ بِهِ عِلْمُكَ، وَخَطَّ بِهِ قَلَمُكَ، وَأَحْصَاهُ كِتَابُكَ، وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنْ سَادَاتِنَا أَبِيْ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِيْنَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ، سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah restuilah dan berkatkanlah junjungan kami Muhammad sebagai hamba, nabi dan rasul-Mu yang ummi. Berkatkan keluarga dan sahabat baginda. Sejahterakanlah baginda selama-lamanya. Kami pohonkan sebanyak bilangan apa sahaja yang diketahui oleh Allah atau sebanyak perkara ditulis oleh Qalamnya dan sebanyak yang dirangkum kitabNya. Terimalah dan relakanlah

orang-orang terutama kami; Sayyidina Abu Bakar, Omar, Othman, Ali dan para sahabat baginda semuanya dan para tabi'in dan orang-orang yang mengikut jejak langkah mereka sampai hari pembalasan. Terimalah (kepulangan) mereka dengan sebaik-baiknya. Maha Suci Tuhan yang memiliki kebesaran dan kemuliaan dari segala sifat tercela yang mereka cuba menempelkan kepadanya. Salam sejahtera untuk para rasul utusan. Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam.

Doa Selepas Wirid Ma'thurat

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ لِسَانًا رَطِبًا بِذِكْرِكَ، وَقَلْبًا مَفْعُمًا بِشُكْرِكَ ، وَبَدَنًا هَيِّنًا وَلَيِّنًا بِطَاعَتِكَ ، اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيْمَانًا كَامِلًا وَنَسْأَلُكَ قَلْبًا خَاشِعًا وَنَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَنَسْأَلُكَ يَقِيْنًا صَادِقًا وَنَسْأَلُكَ دِيْنًا قَيِّمًا وَنَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ مِنْ كُلِّ بَلِيَّةٍ وَنَسْأَلُكَ تَمَامَ الْغِنٰى عَنِ النَّاسِ وَهَبْ لَنَا حَقِيْقَةَ الْإِيْمَانِ بِكَ حَتّٰى لَا نَخَافَ وَلَا نَرْجُوْ غَيْرَكَ وَلَا نَعْبُدَ شَيْئًا سِوَاكَ وَاجْعَلْ يَدَكَ مَبْسُوْطَةً عَلَيْنَا وَعَلَى

أَهْلِيْنَا وَأَوْلَادِنَا وَمَنْ مَعَنَا بِرَحْمَتِكَ وَلَا تَكِلْنَا إِلَى أَنْفُسِنَا طَرْفَةَ عَيْنٍ وَلَا أَقَلَّ مِنْ ذٰلِكَ يَا نِعْمَ الْمُجِيْبُ وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْكَرِيْمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Ya Allah kurniakan kami lisan yang lembut basah mengingati dan menyebutMu, hati yang penuh segar mensyukuri nikmatMu, serta badan yang ringan menyempurnakan ketaatan kepada perintahMu. Ya Allah kurniakanlah kami iman yang sempurna, hati yang khusyuk, ilmu yang berguna, keyakinan yang benar-benar mantap, (Ya Allah) kurniakanlah kami (din) cara hidup yang jitu dan unggul, selamat dari segala mara bahaya dan petaka. Kami mohon (Ya Allah) kecukupan yang tidak sampai kami terpaksa meminta jasa orang lain. Berikanlah kami (Ya Allah) iman yang sebenarnya sehingga kami tidak lagi gentar atau mengharap orang lain selain dari Engkau sendiri. Kembangkanlah lembayung rahmatMu kepada kami, keluarga dan anak-anak kami serta sesiapa sahaja yang bersama-sama kami. Jangan Engkau biarkan nasib kami ditentukan oleh diri kami sendiri; walaupun kadar sekelip mata atau kadar masa yang lebih mudah dan cepat memperkenankan pinta. Selawat dan restu Allah untuk junjungan kami Muhammad, Nabi yang mulia, kepada keluarga Baginda dan para sahabat Baginda semuanya.

Pengakuan Pada Kekuasaan Allah

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَـٰلِكَ ٱلْمُلْكِ تُؤْتِى ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ ۖ بِيَدِكَ ٱلْخَيْرُ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾ تُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيْلِ ۖ وَتُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ ۖ وَتَرْزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

[26] Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. **[27]** "Engkaulah (wahai Tuhan) yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam. Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dengan tiada hitungan hisabnya."

اَللَّهُمَّ إِنَّ هٰذَا إِقْبَالُ لَيْلِكَ، وَإِدْبَارُ نَهَارِكَ وَأَصْوَاتُ دُعَاتِكَ فَاغْفِرْ لِيْ.

اَللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ أَنَّ هٰذِهِ الْقُلُوبَ قَدِ اجْتَمَعَتْ عَلَى مَحَبَّتِكَ وَالْتَقَتْ عَلَى طَاعَتِكَ وَتَوَحَّدَتْ عَلَى دَعْوَتِكَ، وَتَعَاهَدَتْ عَلَى نُصْرَةِ شَرِيْعَتِكَ فَوَثِّقِ اللَّهُمَّ رَابِطَتَهَا وَأَدِمْ وُدَّهَا، وَاهْدِهَا سُبُلَهَا، وَامْلَأْهَا بِنُوْرِكَ الَّذِىْ لَا يَخْبُوْ وَاشْرَحْ صُدُورَهَا بِفَيْضِ الْإِيْمَانِ بِكَ وَجَمِيْلِ تَوَكُّلِ عَلَيْكَ وَأَحْيِهَا بِمَغْفِرَتِكَ وَأَمِتْهَا عَلَى الشَّهَادَةِ فِى سَبِيْلِكَ إِنَّكَ نِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ النَّصِيْرُ، اَللَّهُمَّ آمِيْنُ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا.

Ya Allah menjelang kini malam (ciptaan)Mu, beredarlah sudah siangMu, inilah keluhan suara dan pinta dari para du'ahMu.

Ya Allah Engkau mengetahui bahawa hati-hati ini (orang yang telah dibayangkan tadi) telah berkumpul kerana mengasihiMu, bertemu untuk mematuhi (perintah)Mu, bersatu memikul beban dakwahMu, hati-hati ini telah mengikat janji setia untuk mendaulat dan menyokong syariat-Mu, maka eratkanlah Ya Allah akan ikatannya. Kekalkan kemesraan antara hati-hati ini akan jalanNya (yang sebenar). Penuhkan (piala) hati ini dengan cahaya RabbaniMu yang tidak kunjung malap. Lapangkan hati-hati ini dengan limpahan iman dan keindahan tawakkal kepadaMu. Hidup suburkan hati-hati ini dengan ma'rifat (pengetahuan sebenar) tentangMu. (Jika Engkau mentakdirkan mati) maka matikanlah pemilik hati-hati ini sebagai para syuhada dalam perjuangan agamaMu. Engkaulah sebaik-baik sandaran dan sebaik-baik penolong. Ya Allah perkenankanlah permintaan ini. Restuilah Ya Allah atas junjungan kami Muhammad dan ahli keluarganya dan seluruh sahabat baginda.

Ya Allah restuilah dan sejahterakanlah junjungan kami Muhammad dan ahli keluargannya dan seluruh para sahabat baginda.

دعاء هارين

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْأَوَّلِ قَبْلَ الْإِنْشَآءِ وَالْإِحْيَاءِ، وَالْآخِرِ بَعْدَ فَنَاءِ الْأَشْيَاءِ، الْعَلِيْمِ الَّذِى لَا يَنْسَى مَنْ ذَكَرَهُ، وَلَا يَنْقُصُ مَنْ شَكَرَهُ، وَلَا يَخِيْبُ مَنْ دَعَاهُ، وَلَا يَقْطَعُ رَجَاءَ مَنْ رَجَاهُ. اللَّهُمَّ إِنِّى أُشْهِدكَ وَكَفَى بِكَ شَهِيْدًا، وَأُشْهِدُ جَمِيْعَ مَلَائِكَتِكَ وَسُكَانَ سَمَوَاتِكَ وَحَمَلَةَ عَرْشِكَ وَمَنْ بَعَثْتَ مِنْ أَنْبِيَائِكَ وَرُسُلِكَ وَأَنْشَأْتَ مِنْ أَصْنَافِ خَلْقِكَ.

إِنِّى أَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ وَحْدَكَ لَا شَرِيْكَ لَكَ وَلَا عَدِيْلَ وَلَا خُلْفَ لِقَوْلِكَ وَلَا تَبْدِيْلَ

وَأَنَّ مُحَمَّدًا صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ عَبْدُكَ وَرَسُوْلُكَ، أَدَّى مَا حَمَّلْتَهُ إِلَى الْعِبَادِ، وَجَاهَدَ فِي اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ حَقَّ جِهَادِه ، وَأَنَّهُ بَشَّرَ بِمَا هُوَ حَقٌّ مِنَ الثَّوَابِ، وَأَنْذَرَ بِمَا صِدْقٌ مِنَ الْعِقَابِ.

اَللَّهُمَّ ثَبِّتْنِيْ عَلَى دِيْنِكَ مَا أَحْيَيْتَنِيْ، وَلَا تُزِغْ قَلْبِيْ بَعْدَ إِذْهَدَيْتَنِيْ، وَهَبْ لِيْ مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ، صَلَّى عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، وَاجْعَلْنِيْ مِنْ أَتْبَاعِهِ وَشِيْعَتِهِ، وَاحْشُرْنِي فِي زُمْرَتِهِ، وَوَفِّقْنِيْ لِأَدَاءِ فَرْضِ الْجُمُعَاتِ وَمَا أَوْحَيْتَ عَلَيَّ فِيْهَا مِنَ الطَّاعَاتِ وَقَسَمْتَ لِأَهْلِهَا مِنَ الْعَطَاءِ فِي يَوْمِ الْجَزَاءِ، إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ.

ERTI DOA HARI JUMAAT

Dengan asma Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ya Allah, sampaikan shalawat kepada Rasulullah dan keluarganya

Segala puji bagi Allah, Yang Awal sebelum penciptaan dan penghidupan,Yang Akhir setelah punah semua, Yang Maha Tahu, Yang Tak Melupakan orang yang mengingatNya, Yang Tidak Merugikan orang yang mensyukuriNya, Yang Tidak Mengecewakan orang yang memohon padaNya, Yang Tidak Memutuskan harap orang yang mengharapNya.

Ya Allah, Aku mintakan kesaksianMu dan cukuplah Engkau sebagai saksi. Aku mintakan kesaksian seluruh malaikatMu penghuni langitMu dan pemikul arasyMu serta yang Kau bangkitkan sebagai nabi dan rasulMu dan yang Kau ciptakan dari berbagai makhlukMu.

Aku bersaksi, sesungguhnya Engkau Allah, tiada Tuhan kecuali Engkau, Tunggal Tak Berserikat dan Tak Bertara. FirmanMu tak berubah tak berganti dan sesungguhnya Muhammad saw hambaMu dan Rasul-Mu, ia penuhi apa yang Kau bebankan padanya untuk semua hamba ia berjihad di jalan Allah dengan jihad yang sebenarnya ia memberi khabar gembira tentang

pahala yang sejati ia mengancam dengan siksa yang sesungguhnya.

Ya Allah, Teguhkan aku pada agamaMu selama Kau hidupkan aku. Janganlah gelincirkan hatiku setelah Engkau tunjuki aku. Kurniakan padaku rahmat dari sisiMu. Sungguh, Engkaulah Maha Pemberi. Sampaikan shalawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad. Jadikanlah aku dari pengikut dan golongannya. Kumpulkan aku pada kelompoknya. Bimbinglah aku untuk melaksanakan kewajiban Jumaat, yang Kau wajibkan atasku untuk aku taati dan Kau bagikan kurnia pada hari pembalasan pada orang yang layak menerimanya. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Gagah dan Maha Bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

بِسْمِ اللهِ كَلِمَةُ الْمُعْتَصِمِيْنَ وَمَقَالَةُ الْمُتَحَرِّزِيْنِ، وَأَعُوْذُ بِاللّٰهِ تَعَالَى مِنْ جَوْرِ الْجَائِرِيْنَ وَكَيْدِ الْحَاسِدِينَ وَبَغْيِ الظَّالِمِيْنَ. اَللَّهُمَّ أَنْتَ الْوَاحِدُ بِلاَ شَرِيْكٍ وَالْمَلِكُ بِلَا تَمْلِيْكٍ، وَلَا تُضَادُّ فِى حُكْمِكَ، وَلَا تُنَازَعُ فِى مُلْكِكَ.

أَسْأَلُكَ أَنْ تُصَلِّيَ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُوْلِكَ، وَأَنْ تُوزِعَنِي مِنْ شُكْرِ نُعْماكَ مَا

تَبْلُغُ بِي غَايَةَ رِضَاكَ، وَأَنْ تُعِيْنِيْ عَلَى طَاعَتِكَ وَلُزُومِ عِبَادَتِكَ، وَاسْتِحْقَاقِ مَثُوبَتِكَ بِلُطْفِ عِنَايَتِكَ، وَتَرْحَمُنِي بِصَدِّى عَنْ مَعَاصِيكَ مَا أَحْيَيْتَنِي، وَتُوَفِّقَنِيْ لِمَا يَنْفَعُنِيْ مَا أَبْقَيْتَنِيْ، وَأَنْ تَشْرَحَ بِكِتَابِكَ صَدْرِيْ، وَتَحُطَّ بِتِلَاوَتِهِ وِزْرِيْ، وَتَمْنَحُنِيَ السَّلَامَةَ فِي دِيْنِيْ وَنَفْسِيْ، وَلَا تُوحِشَ بِيْ أَهْلَ أُنْسِي، وَتُتِمَّ إِحْسَانَكَ فِيمَا بَقِيَ مِنْ عُمْرِيْ كَمَا أَحْسَنْتَ فِيْمَا مَضَى مِنْهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

ERTI DOA HARI SABTU

Dengan asma Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ya Allah, sampaikan shalawat kepada Rasulullah dan keluarganya

Bismillah – kalimat pemegang penjagaan, ucapan pencari perlindungan. A'udzubillah – aku berlindung pada Allah dari kekejaman manusia kejam, dari reka perdaya manusia dengki, dari kezaliman manusia zalim. Aku memuji Dia di atas pujian semua yang memuji.

Ya Allah, Engkau Yang Esa Tiada Tara, Engkau Raja Tiada Dirajai, tak terlawan ketentuanMu, tak tertolak kekuasaanMu.

Aku bermohon, sampaikan shalawat kepada Muhammad dan keluarganya, hambaMu dan utusanMu. Bimbinglah aku untuk mensyukuri segala nikmatMu yang memungkinkan aku mencapai redhaMu. Bantulah aku menaatiMu dan melazimkan ibadah padaMu, memastikan ganjaranMu dengan kurnia pertolonganMu.

Kasihanilah aku, palingkanlah aku dari maksiat padaMu, selama Engkau menghidupkan aku, tuntunlah aku pada apa yang bermanfaat bagiku

selama Engkau menghidupkan aku dengan kitabMu, legakan dadaku. Dengan bacaannya, ringankan bebanku. Kurniakan padaku keselamatan agama dan diriku, jangan terlantarkan aku dari semua orang yang menjadi kerinduanku. Sempurnakanlah kebaikanMu padaku, pada seluruh sisa umurku, seperti Engkau telah berbuat baik, pada umurku yang telah lalu Wahai, Yang Terkasih dari segala yang mengasihi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

بِسْمِ اللهِ الَّذِى لَا أَرْجُو إِلَّا فَضْلَهُ وَلَا أَخْشَى إِلَّا عَدْلَهُ وَلَا أَعْتَمِدُ إِلَّا قَوْلَهُ ولا أُمْسِكُ إِلَّا بِحَبْلِهِ. بِكَ أَسْتَجِيْرُ يَا ذَا الْعَفْوِ وَالرِّضْوَانِ مِنَ الظُّلْمِ وَالْعُدْوَانِ وَمِنْ غِيَرِ الزَّمَانِ وَتَوَاتُرِ الْأَحْزَانِ وَطَوَارِقِ الْحَدْثَانِ وَمِنِ انْقِضَآءِ الْمُدَّةِ قَبْلَ التَّأَهُّبِ وَالْعُدَّةِ. وَإِيَّاكَ اَسْتَرْشِدُ لِمَا فِيْهِ الصَّلَاحُ وَالْإِصْلَاحُ. وَبِكَ اَسْتَعِيْنُ فِيْمَا يَقْتَرِنُ بِهِ النَّجَاحُ وَالْإِنْجَاحُ. وَإِيَّاكَ أَرْغَبُ فِى لِبَاسِ الْعَافِيَةِ وَتَمَامِهَا وَشُمُولِ السَّلَامَةِ وَدَوَامِهَا. وَأَعُوْذُ بِكَ يَا رَبِّ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِيْنِ وَأَحْتَرِزُ بِسُلْطَانِكَ مِنْ جَوْرِ السَّلَاطِيْنِ فَتَقَبَّلَ

مَا كَانَ مِنْ صَلَاتِيْ وَصَوْمِيْ، وَاجْعَلْ غَدَى وَمَا بَعْدَهُ أَفْضَلَ مِنْ سَاعَتِيْ وَيَوْمِيْ، وَأَعِزَّنِيْ فِى عَشِيْرَتِيْ وَقَوْمِيْ، وَاحْفَظْنِيْ فِى يَقْظَتِيْ وَنَوْمِيْ، فَأَنْتَ اللهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِيْنَ. اَللَّهُمَّ إِنِّي أَبْرَأُ إِلَيْكَ فِى يَوْمِيْ هَذَا وَمَا بَعْدَهُ مِنَ الْأَحَادِ مِنَ الشِّرْكِ وَالْإِلْحَادِ، وَأُخْلِصُ لَكَ دُعَائِي تَعَرُّضًا لِلْإِجَابَةِ، وَأُقِيمُ عَلَى طَاعَتِكَ رَجَاءً لِلْإِثَابَةِ. فَصَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ خَيْرِ خَلْقِكَ الدَّاعِى إِلَى حَقِّكَ، وَأَعِزَّنِي بِعِزِّكَ الَّذى لَا يُضَامُ، وَاحْفَظْنِيْ بِعَيْنِكَ الَّتى لَا تَنَامُ، وَاخْتِمْ بِالْإِنْقِطَاعِ إِلَيْكَ أَمْرِى، وَبِالْمَغْفِرَةِ عُمْرِيْ، إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُوْرِ الرَّحِيْمُ.

ERTI DOA HARI AHAD

Dengan asma Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ya Allah, sampaikan shalawat kepada Rasulullah dan keluarganya

Dengan asma Allah yang tidak aku harapkan kecuali kurniaNya, tidak aku takutkan kecuali keadilanNya, tidak aku percayai kecuali firmanNya, tidak aku pegangi kecuali taliNya. KepadaMu aku berlindung wahai Pemilik Redha dan Ampunandari kezaliman dari permusuhan dari bencana zaman, dari runtunan kesedihan, dari rangkaian kemalangan dari habisnya jangka – sebelum siap sedia. Aku berlindung padaMu ya Rabbi dari bisikan syaitan. Aku bernaung pada kekuasaanMu dari kezaliman para sultan. Terimalah apa yang ada dari shalatku dan shaumku. Jadikan hari esokku dan sesudahnya lebih baik dari saat ini dan hari ini.

Muliakan keluargaku dan kaumku. Jagalah waktu jaga dan tidurku. Engkaulah Allah Penjaga Terbaik. Engkaulah Yang Paling Pengasih dari segala yang mengasihi. Ya Allah, aku berlepas diri pada hariku ini dan pada hari-hari sesudahnya dari kemusyrikan dan kekafiran. Aku ikhlaskan doaku, mengharapkan ijabahMu. Aku senantiasa taat mengharapkan balasanMu. Limpahkan sejahtera pada Muhammad

dan keluarga Muhammad sebaik-baiknya makhlukMu yang menyeru pada kebesaranMu. Muliakanlah aku dengan kemuliaanMu yang tidak pernah punah, jagalah diriku dengan mataMu yang tidak pernah tidur. Tutuplah urusanku dengan kebergantungan padaMu. Tutuplah usiaku dengan maghfirahMu. Sungguh, Engkau Maha Pengampun dan Maha Penyayang.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِى لَمْ يُشْهِدْ أَحَدًا حِينَ فَطَرَ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضَ، وَلَا اتَّخَذَ مُعِيْنًا حِيْنَ بَرَأَ النَّسَمَاتِ. لَمْ يُشَارَكْ فِى الْأُلُهِيَّةِ، وَلَمْ يُظَاهَرْ فِى الْوَحْدَانِيَّةِ . كَلَّتِ الْأُلْسُنُ عَنْ غَايَةِ صِفَتِهِ وَالْعُقُولُ عَنْ كُنْهِ مَعْرِفَتِهِ، وَتَوَاضَعَتِ الْجَبَابِرَةُ لِهَيْبَتِهِ، وَعَنَتِ الْوُجُوهُ لِخَشْيَتِهِ، وَانْقَادَ كُلُّ عَظِيْمٍ لِعَظَمَتِهِ. فَلَكَ الْحَمْدُ مُتَوَاتِرًا مُتَّسِقًا وَمُتَوَالِيًا مُسْتَوْسِقًا. وَصَلَوَاتُهُ عَلَى رَسُوْلِهِ أَبَدًا وَسَلَامُهُ دَائِمًا سَرْمَدًا.

اَللَّهُمَّ اجْعَلْ أَوَّلَ يَوْمِيْ هَذَا صَلاَحًا وَأَوْسَطَهُ فَلاَحًا وَآخِرَهُ نَجَاحًا، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ يَوْمٍ أَوَّلُهُ فَزَعٌ، وَأَوْسَطُهُ جزَعٌ، وَآخِرُهُ وَجعٌ. اَللَّهُمَّ إِنِّى أَسْتَغْفِرُكَ لِكُلِّ نَذْرٍ نَذَرْتُهُ، وَكُلِّ وَعْدٍ وَعَدْتُهُ، وَكُلِّ عَهْدٍ عَاهَدْتُهُ ثُمَّ لَمْ اَفِ بِهِ، وَأَسْأَلُكَ فِى مَظَالِمِ عِبَادِكَ عِنْدِى فَأَيُّمَا عَبْدٍ مِنْ عِبِيْدِكَ، أَوْ أَمَةٍ مِنْ إِمَائِكَ كَانَتْ لَهُ قِبَلِيْ مَظْلِمَةٌ ظَلَمْتُهَا إِيَّاهُ فِى نَفْسِهِ، أَوْ فِى عِرْضِهِ أَوْ فِى مَالِهِ، أَوْ فِى أَهْلِهِ وَوَلَدِهِ، أَوْ غَيْبَةٌ اغْتَبْتُهُ بِهَا، أَوْ تَحَامُلٌ عَلَيْهِ بِمَيْلٍ، أَوْ هَوًى أَوْ أَنَفَهُ، أَوْ حَمِيَّةٌ أَوْ رِيَاءٌ أَوْ عَصَبِيَّةٌ غَائِبًا كَانَ أَوْ شَاهِدًا، وَحَيًّا كَانَ أَوْ مَيِّتًا، فَقَصُرَتْ يَدِى وَضَاقَ وُسْعِى عَنْ رَدِّهَا إِلَيْهِ وَالْتَحَلُّلِ مِنْهُ.

فَأَسْأَلُكَ يَا مَنْ يَمْلِكُ الْحَاجَاتِ وَهِىَ

مُسْتَجِيْبَةٌ، وَمُسْرِعَةٌ إِلَى اِرَادَتِهِ أَنْ يُصَلِّيَ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ، وَأَنْ تُرْضِيَهُ عَنِّي بِمَا شِئْتَ، وَتَهَبَ لِي مِنْ عِنْدِكَ رَحْمَةً، إِنَّهُ لَا تَنْقُصُكَ الْمَغْفِرَةُ، وَلَا تَضُرُّكَ الْمَوْهِبَةُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. اَللَّهُمَّ أَوْلِنِيْ فِي كُلِّ يَوْمِ اثْنَيْنِ نِعْمَتَيْنِ مِنْكَ ثِنْتَيْنِ: سَعَادَةً فِي أَوَّلِهِ بِطَاعَتِكَ وَنِعْمَةً فِي آخِرِهِ بِمَغْفِرَتِكَ يَا مَنْ هُوَ الْإِلَهُ وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ سِوَاهُ.

ERTI DOA HARI ISNIN

Dengan asma Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ya Allah, sampaikan shalawat kepada Rasulullah dan keluarganya

Segala puji bagi Allah, yang mencipta langit dan bumi tanpa seorang saksi, yang menggelar makhluk tanpa seorang pembantu. Tiada sekutu dalam IlahiyatNya, tidak ada setara dalam ketunggalanNya. Kelu lidah mengungkap sifatNya. Lemah akal memikirkan makrifatNya. Merendah segala penguasa kerana kehebatanNya. Rebah segala wajah kerana takut padaNya. Jatuh segala yang agung kerana keagunganNya. Bagi-Mu segala puja. Puja yang beruntun tak putus-putus. Shalawat dan salam bagi RasulNya, salam yang kekal abadi.

Ya Allah, jadikanlah permulaan hari ini kebaikan, pertengahannya kejayaan, dan pamungkasnya keuntungan. Aku berlindung padaMu dari hari yang permulaannya ketakutan, pertengahannya kecemasan, dan pamungkasnya kesedihan.

Ya Allah, aku mohonkan ampun padaMu atas segala nazar yang kunazarkan, atas segala janji yang kujanjikan, atas segala akad yang kuakadkan, kemudian tak kupenuhi padaMu.

Aku bermohon padaMu perihal ulahku menzalimi hambaMu. Bila ada hambaMu, pria dan wanita, yang teraniaya karena kezalimanku pada diri dan kehormatannya, pada hartanya, pada ahli dan keturunannya. Atau yang kugunjingkan kejelekannya, atau yang kusengsarakan karena hawa nafsu, penghinaan, kesombongan, riya dan kesukuan, yang hadir dan yang raib, yang hidup dan yang mati. Lalu lemah tanganku, sempit tenagaku, untuk mengembalikan haknya, dan meminta kerelaannya.

Karena itu, aku mohonkan padaMu wahai Yang Menguasai segala hajat-hajat yang terpanggil karena kehendakNya hajat yang bergegas memenuhi iradatNya. Sampaikan shalawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad. Redhakan dia padaku dengan apa yang Kau kehendaki. Berikan padaku dari sisiMu rahmat. Ampunan tidak akan mengurangi keagunganMu, Anugerah tidak akan meyusutkan kebesaranMu, Wahai Yang Maha Kasih dari segala yang mengasihi.

Ya Allah, berilah aku pada hari Isnin ini dua kenikmatan: Pada permulaannya: kebahagiaan menaatiMu, Pada pamungkasnya: kenikmatan akan ampunanMu, Wahai Dia Yang menjadi satu-satunya Tuhan. Selain Dia tiada yang dapat memberikan ampunan.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ حَقُّهُ كَمَا يَسْتَحِقُّهُ حَمْدًا كَثِيْرًا، وَأَعُوْذُ بِهِ مِنْ شَرِّ نَفْسِىْ، إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوْءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّيْ. وَأَعُوْذُ بِهِ مِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ الَّذِى يَزِيْدُنِيْ ذَنْبًا إِلَى ذَنْبِيْ، وَأَحْتَرِزُ بِهِ مِنْ كُلِّ جَبَّارٍ فَاجِرٍ، وَسُلْطَانٍ جَائِرٍ، وَعَدُوٍّ قَاهِرٍ.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنِيْ مِنْ جُنْدِكَ فَإِنَّ جُنْدَكَ هُمُ الْغَالِبُونَ، وَاجْعَلْنِيْ مِنْ حِزْبِكَ فَإِنَّ حِزْبَكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ، وَاجْعَلْنِيْ مِنْ أَوْلِيَآئِكَ، فَإِنَّ أَوْلِيَآئَكَ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ.

اَللّٰهُمَّ أَصْلِحْ دِيْنِيْ فَإِنَّهُ عِصْمَةُ أَمْرِيْ، وَأَصْلِحْ لِيْ آخِرَتِيْ فَإِنَّهَا دَارُ مَقَرِّ وَإِلَيْهَا مِنْ مُجَاوَرَةِ اللِّئَامِ مَفَرِّيْ، وَاجْعَلِ الْحَيٰوةَ زِيَادَةً لِيْ فِى كُلِّ خَيْرٍ وَالْوَفَاةَ رَاحَةً مِنْ كُلِّ شَرٍّ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ خَاتَمِ النَّبِيِّيْنَ وَتَمَامِ عِدَّةِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِيْنَ الطَّاهِرِيْنَ، وَأَصْحَابِهِ الْمُنْتَجِبِيْنَ. وَهَبْ لِيْ فِي الثُّلَاثَاءِ ثَلَاثًا: لَا تَدَعْ لِيْ ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَهُ، وَلَا غَمًّا إِلَّا أَذْهَبْتَهُ، وَلَا عَدُوًّا إِلَّا دَفَعْتَهُ، بِبِسْمِ اللّٰهِ خَيْرِ الْأَسْمَآءِ، بِسْمِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَآءِ، أَسْتَدْفِعُ كُلَّ مَكْرُوهٍ أَوَّلُهُ، وَاَسْتَجْلِبُ كُلَّ مَحْبُوْبٍ أَوَّلُهُ رِضَاهُ، فَاخْتِمْ لِيْ مِنْكَ بِالْغُفْرَانِ يَا وَلِيَّ الْإِحْسَانِ.

ERTI DOA HARI SELASA

Dengan asma Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ya Allah, sampaikan shalawat kepada Rasulullah dan keluarganya

Segala puji bagi Allah, pujian hakNya, milikNya pujian yang banyak. Aku berlindung kepada Allah dari kejahatan diriku, sungguh nafsu menyuruh pada keburukan kecuali yang disayangi Tuhanku. Aku berlindung kepada Allah dari kejahatan syaitan yang menambah dosa-dosaku. Aku berlindung pada Allah dari semua tiran yang derhaka, dari semua musuh yang dominan, dari semua penguasa yang kejam.

Ya Allah, Jadikan aku diantara pasukanMu, kerana pasukanMu saja yang beroleh kemenangan. Jadikan aku diantara partaiMu, kerana partaiMu saja yang memperoleh kemenangan. Jadikan aku diantara kekasih-kekasihMu, karena kekasihMu saja yang tidak mendapat kecemasan dan kesedihan.

Ya Allah, Baikkan agamaku, karena itulah sandaran urusanku. Baikkan akhiratku, karena itulah kampung kembaliku, tempat lari menjauhi kejahatanku. Jadikanlah kehidupan tempat menambah kebaikan. Jadikanlah kematian tempat istirehat dari kejelekan.

Ya Allah, Sampaikan shalawat kepada Muhammad penutup dan penyempurna para utusan, kepada keluarganya yang baik dan suci, kepada para sahabatnya yang terpilih. Berilah aku pada hari Selasa, tiga hal: Jangan biarkan pada diriku dosa kecuali Engkau maafkan, Jangan biarkan pada diriku kesusahan kecuali Engkau hilangkan, Jangan biarkan pada diriku musuh kecuali Engkau tolakkan. Dengan asma Allah, sebaik-baik asma. Dengan asma Allah, Tuhan Pengurus Langit dan Bumi. Aku mohon ditolakkan setiap kebencian yang pangkalnya murkaNya. Aku mohon diberikan setiap kecintaan yang pangkalnya redhaNya. Akhirilah hidupku dengan ampunan, wahai Pemilik segala kebaikan.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِى جَعَلَ اللَّيْلَ لِبَاسًا وَالنَّوْمَ سُبَاتًا، وَجَعَلَ النَّهَارَ نُشُوْرًا. لَكَ الْحَمْدُ أَنْ بَعَثْتَنِيْ مِنْ مَرْقَدِيْ وَلَوْ شِئْتَ جَعَلْتَهُ سَرْمَدًا، حَمْدًا دَائِمًا لَا يَنْقَطِعُ أَبَدًا، وَلَا يُحْصِى لَهُ الْخَلَائِقُ عَدَدًا.

اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْ خَلَقْتَ فَسَوَّيْتَ، وَقَدَّرْتَ وَقَضَيْتَ، وَأَمَتَّ وَأَحْيَيْتَ وَأَمْرَضْتَ وَشَفَيْتَ، وَعَافَيْتَ وَأَبْلَيْتَ، وَعَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَيْتَ، وَعَلَى الْمُلْكِ احْتَوَيْتَ.

أَدْعُوْكَ دُعَاءَ مَنْ ضَعُفَتْ وَسِيْلَتُهُ، وَانْقَطَعَتْ حِيْلَتُهُ، وَاقْتَرَبَ أَجَلُهُ، وَتَدَانَى فِى الدُّنْيَا أَمَلُهُ، وَاشْتَدَّتْ إِلَى رَحْمَتِكَ فَاقَتُهُ، وَعَظُمَتْ لِتَفْرِيْطِهِ حَسْرَتُهُ، وَكَثُرَتْ زَلَّتُهُ وَعَثْرَتُهُ، وَخَلُصَتْ لِوَجْهِكَ تَوْبَتُهُ.

فَصَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ خَاتَمِ النَّبِيِّيْنَ وَعَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ الطَّيِّبِيْنَ الطَّاهِرِيْنَ، وَارْزُقْنِى شَفَاعَةَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ، وَلَا تَحْرِمْنِيْ صُحْبَتَهُ إِنَّكَ أَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِيْنَ. اَللَّهُمَّ اقْضِ لِي فِى الْإِرْبِعَاءِ أَرْبَعًا: اِجْعَلْ قُوَّتِى فِى طَاعَتِكَ، وَنَشَاطَتِيْ فِى عِبَادِكَ، وَرَغْبَتِي فِى ثَوَابِكَ، وَزُهْدِيْ فِيْمَا يُوْجِبُ لِيْ أَلِيْمَ عِقَابِكَ، إِنَّكَ لَطِيْفٌ لِمَا تَشَآءُ.

ERTI DOA HARI RABU

Dengan asma Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ya Allah, sampaikan shalawat kepada Rasulullah dan keluarganya

Segala puji bagi Allah, Yang menjadikan malam sebagai pakaian dan tidur sebagai peristirahatan dan siang sebagai saat bertebaran. Segala puji bagi-Mu, Kau bangkitkan aku dari tidurku, kalau Kau kehendaki, Kau jadikan tidurku tidur abadi, tanpa henti. Milik Allah, makhluk tak terhitung.

Ya Allah, bagiMu segala puji. Kau ciptakan, Kau takdirkan, Kau tentukan, Kau matikan, Kau hidupkan, Kau sakitkan, Kau sembuhkan, Kau selamatkan, Kau hancurkan. Di atas singgasanaMu Kau bertahta. Di atas kerajaanMu Kau berkuasa. Kusampaikan padaMu doa orang yang lemah tenaganya, yang putus kekuatannya, yang dekat ajalnya, yang mendunia hasratnya, yang berat keperluannya akan rahmatMu, yang besar deritaNya kerana dosa-dosanya, yang banyak jatuhnya dan gelincirnya, yang terpusat padaMu saja taubatnya. Sampaikan selawat kepada Muhammad penutup para nabi serta ahli baytnya yang baik dan suci. Curahkanlah padaku syafaat Muhammad s.a.w.. Janganlah Kau jauhkan aku dari

persahabatan dengannya. Sungguh, Engkaulah Yang Terkasih dari segala yang mengasihi.

Ya Allah, tetapkanlah bagiku empat hal pada hari Rabu: Jadikanlah kekuatanku untuk taat kepadaMu, kerajinanku untuk beribadah kepadaMu, kedambaanku untuk memperoleh ganjaranMu, dan keenggananku terhadap apa saja yang mengundang kepedihan siksa-Mu Sungguh, Engkaulah pemberi kurnia kepada orang yang Kau kehendaki.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آل سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِى أَذْهَبَ اللَّيْلَ مُظْلِمًا بِقُدْرَتِهِ، وَجَاءَ بِالنَّهَارِ مُبْصِرًا بِرَحْمَتِهِ، وَكَسَانِيْ ضِيَاءَهُ وَأَنَا فِى نِعْمَتِهِ.

اَللَّهُمَّ فَكَمَا أَبْقَيْتَنِيْ لَهُ فَأَبْقِنِيْ لِأَمْثَالِهِ، وَصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ مُحَمَّدٍوَآلِهِ، وَلَا تَفْجَعْنِيْ فِيْهِ وَفِى غَيْرِهِ مِنَ اللَّيَالِى وَالْأَيَّامِ بِارْتِكَابِ الْمَحَارِمِ وَاكْتِسَابِ الْمَاثَمِ، وَارْزُقْنِيْ خَيْرَهُ وَخَيْرَ مَا فِيْهِ وَخَيْرَ مَا بَعْدَهُ، وَاصْرِفْ عَنِّي شَرَّهُ وَشَرَّ مَا فِيْهِ وَشَرَّ مَا بَعْدَهُ.

اَللَّهُمَّ إِنِّيْ بِذِمَّةِ الْإِسْلَامِ أَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ، وَبِحُرْمَةِ الْقُرْءَانِ اَعْتَمِدُ عَلَيْكَ، وَبِمُحَمَّدٍ الْمُصْطَفَى صلى الله عَلَيْهِ وَآلِهِ اَسْتَشْفِعُ لَدَيْكَ، فَاعْرِفِ اللَّهُمَّ ذِمَّتِيَ الَّتِى رَجَوْتُ بِهَا قَضَاءَ حَاجَتِيْ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اَللَّهُمَّ اقْضِ لِيْ فِى الْخَمِيْسِ خَمْسًا لَا يَتَّسِعُ لَهَا إِلَّا كَرَمُكَ، وَلَا يُطِيْقُهَا إِلَّا نِعْمَتُكَ: سَلَامَةٌ أَقْوَى بِهَا عَلَى طَاعَتِكَ، وَعِبَادَةٌ اسْتَحِقُّ بِهَا جَزِيْلَ مَثُوْبَتِكَ، وَسَعَةً فِى الْحَالِ مِنَ الرِّزْقِ الْحَلَالِ، وَأَنْ تُؤْمِنَنِيْ فِى مَوَاقِفِ الْخَوْفِ بِأَمْنِكَ، وَتَجْعَلَنِيْ مِنْ طَوَارِقِ الْهُمُوْمِ فِى حِصْنِكَ وَصَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ، وَاجْعَلْ تَوَسُّلِيْ بِهِ شَافِعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ نَافِعًا إِنَّكَ أَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِيْنَ.

ERTI DOA HARI KHAMIS

Dengan asma Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ya Allah, sampaikan shalawat kepada Rasulullah dan keluarganya

Segala puji bagi Allah, Yang Mengusir Malam yang gelap dengan kudratNya. Yang Menghadirkan Siang yang terang dengan rahmatNya. Yang Menutupku dengan cahayaNya, dan membawa padaku nikmat-Nya.

Ya Allah, sebagaimana telah Kau lestarikan aku di siang ini, lestarikan aku pada siang lain seperti ini. Sampaikan selawat kepada Nabi Muhammad dan keluarganya. Jangan Kau celakakan aku hari ini dan hari yang lain malam atau siang dengan perbuatan yang terlarang dan kelakuan yang tercela. Berikanlah padaku kebaikannya, dan kebaikan apa pun di dalamnya. Palingkan dariku kejelekannya dan kejelekan apa pun di dalamnya dan kejelekan apapun sesudahnya.

Ya Allah, dengan perlindungan Islam, aku tawasul padaMu dengan kemuliaan al-Quran, aku bersandar padaMu dengan Muhammad al-Mustafa s.a.w., aku mohon pertolonganMu.

Ya Allah, berikan perlindungan padaku yang dengannya kuharapkan untuk mencapai hajatku, wahai Yang Terkasih dari segala yang mengasihi.

Ya Allah, tetapkan bagiku pada hari Kamis, lima hal yang tak kan tercapai kecuali dengan kemurahanMu, yang tak kan tergapai kecuali dengan kenikmatanMu: Keselamatan yang memperkuat ketaatan padaMu. Ibadah yang memastikan kelimpahan pahalaMu. Keluasaan lantaran rezeki yang halal. Kau tenteramkan aku di tempat ketakutan dengan perlindunganMu. Kau lindungi aku dari gundah-gulana dengan bentengMu.

Sampaikan selawat kepada Rasulullah dan keluarganya. Jadikanlah tawasulku dengannya syafaat yang berguna di hari kiamat. Sungguh, Engkaulah Yang Terkasih dari segala yang mengasihi.

دعاء قنوتوف

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا دُعَاءَنَا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، وَتُبْ عَلَيْنَا يَا مَوْلاَنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيْمُ، وَلاَ تُؤَاخِذْنَا بِالْعَظَائِمِ وَالْجَرَائِمِ يَا كَرِيْمُ، وَآخِرُ دَعْوَانَا أَنِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

تَقَبَّلَ اللهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ، مِنَّا وَمِنْكُمْ، تَقَبَّلْ يَا كَرِيْمُ.

"Ya Allah, terimalah daripada kami akan doa kami, sesungguhnya Engkau Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkau Maha Penerima Taubat dan Maha Penyayang dan janganlah Engkau seksa kami kerana kesalahan-kesalahan kami, Dan ucapan penghormatan mereka padanya ialah selamat sejahtera! Dan kami akhiri doa dengan segala puji dipersembahkan kepada Allah, Pentadbir sekalian alam.

Kabulkan permintaan (doa) mereka (kami), kabulkan (perkenankan) kami (mereka) ya Allah Yang Maha Pemurah."